

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN

TATACARA PENGGUNAAN NETWORK ATTACHED STORAGE (NAS)

Apa itu NAS?


NAS ialah peranti storan khas yang disambung ke rangkaian *Local Area Network* (LAN) dan berkongsi fail melalui protokol rangkaian seperti *Server Message Block* SMB, *Common Internet File System* CIFS (Windows), *Network File System* NFS (Linux/UNIX), dan *Apple Filling Protocol* AFP (Mac lama). Ia berfungsi sebagai “fail server” berdedikasi: semua pengguna dalam rangkaian boleh menyimpan, mengakses, dan berkongsi fail dari satu lokasi berpusat.

Kelebihan NAS :


- **Pemusatan data:** Fail tidak lagi bersepah di PC individu—mudah cari, mudah kawal versi.
- **Kongsi & kolaborasi:** Akses serentak, kebenaran halus (folder/jabatan), “file locking” elak konflik.
- **Skalabiliti:** Tambah disk/expansion unit; model lebih tinggi sokong **cluster/scale-out**.
- **Fleksibel:** Selain “file share”, banyak NAS juga tawarkan **NFS datastore** untuk hypervisor, **iSCSI target** (block-level), VM/containers ringan, dan aplikasi sandaran.

1.0 TATACARA PENGGUNAAN NAS MENGGUNAKAN PELAYAR WEB

1. Buka Pelayar Web “Web Browser” seperti (firefox, google chrome, edge, safari dll).





2. Masukkan / Taip Url : **10.254.91.3** dan tekan *ENTER*.




Catatan :

NAS Pejabat Daerah dan tanah Maran menggunakan alamat web local, ia hanya dapat diakses dengan menggunakan jaringan internet dalaman iaitu 1PahangNet2.0, NAS ini tidak boleh diakses dari luar selain jaringan internet 1PahangNet2.0.

- Setelah keluar halaman *Sign In*, masukkan **id pengguna** dan **kata laluan** yang telah diberikan oleh administrator untuk setiap pengguna.




3.1 Masukkan id pengguna




3.2 Masukkan kata laluan


- Setelah log masuk paparan *desktop* seperti berikut akan keluar



5. Klik pada folder **FILE STATION** dan paparan seperti berikut akan keluar




6. Untuk memilih folder yang berkaitan dengan unit pengguna, klik nama folder di bahagian kiri bawah menu **Synology**



Folder yang ada di bawah menu **Synology** :

1. Backup
2. Hasil
3. ICT
4. Kuatkuasa
5. Pelan
6. Pelupusan
7. Pembangunan
8. Pendaftaran
9. Pentadbiran
10. PLB
11. UKL


7. Menu yang ada di dalam **FILE STATION** untuk kegunaan pengguna



Terdiri daripada :

a) **CREATE FOLDER**


Create Folder adalah menu untuk menambah /membuat folder atau sub-folder baru sesuai dengan kehendak pengguna.



b) **UPLOAD**

Adalah menu untuk memuat naik file. Ada 2 (dua) fungsi upload di dalam menu tersebut iaitu :

- Upload – Skip** adalah memuat naik file yang dilakukan jika belum ada file dengan nama yang sama dengan file yang akan dimuat naik di dalam folder
- Upload – Overwrite** adalah memuat naik file yang dilakukan jika ada file dengan nama yang sama. Data yang ada di dalam file tersebut akan diganti dengan data baru.



c) **ACTION**

Menu Action adalah menu perlaksanaan tambahan terhadap suatu folder atau dokumen

8. Untuk keluar dari NAS , pengguna boleh klik di bahagian atas kanan icon dan pilih **Sign Out**




Catatan :

Untuk memudah pengguna untuk menggunakan NAS, administrator telah menetapkan **fungsi drag and drop**.


Fungsi **drag and drop** - Fungsi drag and drop adalah cara mudah untuk memindahkan objek visual (seperti file, ikon, atau teks) dari satu lokasi ke lokasi lain dalam antaramuka pengguna grafik (GUI) dengan cara mengklik, menyeret, dan melepaskan objek tersebut. Fungsi ini memudahkan pengguna tanpa perlu menggunakan arahan yang rumit.

2.0 TATACARA PENGGUNAAN NAS MENGGUNAKAN SEARCH BAR

1. Pada bagian **Search Bar** taip NAS *address*: \\10.254.91.3 dan tekan **ENTER**



2. Masukkan **Username** dan **Password** yang telah diberikan oleh administrator untuk setiap pengguna



Windows Security

Enter network credentials

Enter your credentials to connect to: 10.254.91.3

User name
User name

Password
Password

☒ Remember my credentials

The username or password is incorrect.


OK Cancel

Catatan :


Tanda pada kotak **Remember my credentials** untuk memastikan pengguna tidak perlu memasukkan **Username** dan **Password** setiap kali mengakses NAS.

3. Setelah log masuk paparan *desktop* seperti berikut akan keluar

4. Untuk memilih folder yang berkaitan dengan unit pengguna, klik nama folder tersebut.



5. Untuk keluar dari NAS klik tanda pangkah di atas bucu kanan



6. LAIN –LAIN

PERATURAN PENGGUNAAN NAS PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN

- a. NAS Pejabat Daerah dan Tanah Maran adalah server backup bukan server penyimpanan utama.
- b. NAS Pejabat Daerah dan Tanah Maran hanya boleh diakses secara dalaman dengan menggunakan jaringan talian internet 1PahangNet2.0
- c. Dokumen yang di simpan di dalam NAS tidak boleh mengandungi media terlarang seperti :
 - i. Bahan berunsur lucah atau pornografi
 - ii. Perisian cetak rompak atau tidak berlesen
 - iii. Fail hiburan yang tiada kaitan dengan tugas
 - iv. Maklumat sulit yang tidak dibenarkan disimpan di media storan
 - v. Fail yang berisiko mengandungi malware/virus
 - vi. Bahan iklan atau spam
- d. Pengguna mestilah mematuhi peraturan yang terkandung di dalam Polisi Keselamatan Siber 4.0 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
 - Polisi ini boleh di muat turun melalui :
 - i. PORTAL RASMI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
 - ii. PORTAL PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN